

07/11/2000

Memartabatkan negara Islam

Mahfar Ali in Doha

SIDANG kemuncak kesembilan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Doha, Qatar dari 12 hingga 14 November ini, menyaksikan pertemuan pertama ketua-ketua negara Islam pada alaf baru.

Justeru, pertemuan itu yang didahului dengan mesyuarat pegawai kanan esok dan diikuti mesyuarat peringkat menteri Khamis ini, dianggap penting bagi menentukan peranan dan hala tuju pertubuhan itu dalam menghadapi cabaran lebih besar pada abad ke-21.

Apakah OIC yang dianggotai 56 negara sudah bersedia menghadapi cabaran globalisasi? Inilah persoalan yang diharap dapat dirungkai pada persidangan kali ini.

Persidangan Menteri Luar Negara-Negara Islam (ICFM) Ke-27 di Kuala Lumpur, Jun lalu, sudah pun membuka laluan dan merangka beberapa tindakan yang harus diambil OIC, termasuk dalam bidang ekonomi, teknologi maklumat dan komunikasi dalam usaha menjadikannya pertubuhan yang disegani masyarakat antarabangsa.

Malah, dalam resolusi setebal 39 halaman yang disahkan selepas pertemuan selama empat hari di Kuala Lumpur itu, Menteri-Menteri Luar OIC bersepakat untuk mengukuhkan perpaduan dan kerjasama bagi menghadapi cabaran globalisasi.

Kini, terpulang kepada ketua negara Islam untuk menentukan rentak selanjutnya apabila resolusi itu dibentangkan pada sidang kemuncak di Doha ini.

Malaysia, yang memang lantang mengkritik konsep globalisasi tajaan Barat, sudah pasti menggunakan peluang pada sidang kemuncak ini untuk menghuraikan secara terperinci isu berkenaan.

Pengalaman Malaysia berhadapan dengan konsep dunia tanpa sempadan bukanlah sesuatu yang ingin diulangi. Kejatuhan nilai ringgit akibat serangan pedagang mata wang, menyebabkan negara jatuh miskin dan menghadapi kemungkinan terpaksa mengorbankan kebebasan.

Sebab itu, dalam ucaptamanya pada ICFM ke-27 di Kuala Lumpur, Jun lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak umat Islam sejagat menghentikan pertelagahan sesama sendiri dan melengkapkan diri bagi menghadapi cabaran era globalisasi.

Perdana Menteri juga mengingatkan umat Islam supaya menilai keadaan semasa serta mengkaji peristiwa lalu supaya tidak mengulangi kesilapan lampau agar lebih berupaya menangani masa depan sebelum dunia tanpa sempadan meragut kebebasan dan menghapuskan ummah di muka bumi ini.

Peringatan sebegini memang sering dibangkitkan Perdana Menteri apabila berkesempatan menghadiri pertemuan atau persidangan yang membabitkan negara membangun serta negara Islam.

Hakikatnya, dunia Islam memang tidak pernah sunyi daripada persengketaan. Malah, sejak ditubuhkan pada 1969, OIC lebih banyak menghabiskan masa, wang dan tenaga untuk mencari formula menyelesaikan persengketaan dan peperangan, sama ada yang dicetuskan sesama saudara Islam seperti Iran-Iraq dan Kuwait-Iraq atau pun hasil permusuhan dengan penganut agama atau etnik berbeza, seperti Afghanistan-Russia, Chechnya-Russia, Bosnia-Serbia, Iraq-Amerika Syarikat, Libya-Amerika Syarikat dan Palestin-Israel.

Melihat sejarah penubuhannya, OIC itu sendiri dibentuk berikutan cubaan rejim Israel membakar Masjidil Al-Aqsa di Baitulmaqdis. Namun, selepas lebih 30 tahun dibentuk, OIC masih belum menemui formula bagi menghentikan

keganasan Israel terhadap rakyat Palestin.

Malah, sejak beberapa minggu lalu, tentera Israel terus meningkatkan serangan di wilayah Palestin hingga mengorbankan ramai mangsa.

Apa yang dapat dilakukan OIC bagi mengembalikan hak rakyat Palestin untuk menubuhkan sebuah negara berdaulat dan merdeka? Apakah cukup sekadar mengeluarkan resolusi mengutuk keganasan Israel?

Persoalan ini dijangka mendapat perbincangan hangat pada sidang kemuncak kali ini. Sekarang ini pun beberapa negara Islam mula mempersoalkan sikap sesetengah anggota OIC dalam menangani krisis Palestin-Israel.

Iran, misalnya, mendesak Qatar menutup pejabat perhubungannya dengan Israel sebelum mengambil alih jawatan pengerusi OIC. Qatar dijadual mengambil gilirannya sebagai pengerusi OIC daripada Iran pada sidang kemuncak kesembilan di Doha ini. Iran dilaporkan akan memulaukan sidang itu sekiranya Qatar tidak menutup pejabat berkenaan.

Sebelum itu, Iran yang selama ini tidak mengiktiraf Israel dan membantah proses damai anjuran Amerika Syarikat, turut membidas sidang kemuncak Arab di Kaherah, yang gagal mencapai persetujuan mengadakan pemulauan terhadap regim Israel.

"Sidang itu perlu mengambil tindakan lebih tegas, membuat saranan konkrit untuk menyokong rakyat Palestin serta memutuskan terus hubungan dengan Israel," kata jurucakap Kementerian Luar Iran, Hamid-Reza Assefi.

Ini bukan pertama kali negara Islam menyuarakan kekecewaan seumpama itu berikutan kegagalan OIC menyelesaikan krisis demi krisis yang membabitkan anggota pertubuhan berkenaan.

Malah, pelbagai sindiran dilemparkan terhadap OIC. Selain diberi jolokan Arab dikatakan masih dibayangi kuasa Barat, terutama Amerika Syarikat, hingga terpaksa berhati-hati dalam memberi sokongan terhadap sesuatu resolusi yang dikemukakan.

Resolusi yang diluluskan pula kebanyakannya gagal atau tidak dapat dilaksanakan berikutan ketidaksungguhan atau perbalahan di kalangan sesetengah anggota pertubuhan itu.

Perkara ini berlaku pada ICFM ke-27 di Kuala Lumpur, Jun lalu. Pada sidang itu, Iraq merayu supaya diluluskan resolusi mendesak sekatan ekonomi yang dikenakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap negara itu sejak 1990, dimansuhkan tetapi rayuan berkenaan ditolak.

Sebaliknya, OIC mendesak Baghdad supaya tidak lagi menggunakan tentera atau kekuatan lain untuk mengancam negara jirannya atau operasi PBB di Iraq dalam apa juga bentuk tindakan.

Baghdad menuduh Arab Saudi dan Kuwait menjadi punca Iraq terus dikenakan sekatan ekonomi yang ditaja Amerika Syarikat. Malaysia turut kecewa dengan keengganan OIC menyokong penarikan balik sekatan itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, selaku pengerusi ICFM ke-27 dalam ucapan penutup sidang itu, berkata beliau sedih kerana orang Islam sendiri membiarkan golongan tua, wanita dan kanak-kanak di Iraq terus menderita.

Beliau berkata OIC ditubuhkan untuk menyatukan semua negara Islam tetapi di sebalik pelbagai usaha yang dilakukan bagi mencapai matlamat itu, negara anggotanya masih lagi tidak berbuat apa-apa dalam hal berkenaan.

"Kenapa kita gagal? Adakah kita benar-benar serius dalam hal ini? Sepatutnya kita sekarang lebih menekankan isu berkaitan kepentingan bersama daripada yang memecahbelahkan kita," tegasnya.

Dalam hubungan ini, Syed Hamid meminta OIC mengkaji semula peranannya dan menggugurkan semua agenda perjuangan yang sudah ketinggalan, tidak relevan, berat sebelah atau tidak lagi menggambarkan keadaan semasa.

Barangkali inilah juga mesej yang akan dibawa Malaysia pada sidang kemuncak kesembilan OIC di Doha bagi memastikan pertubuhan itu bukan saja berupaya memartabatkan negara Islam agar tidak lagi ditindas atau

dipermainkan kuasa Barat, malah mampu mengharungi cabaran yang lebih besar pada alaf baru ini.

Harapan ini tidak mustahil untuk dicapai, apalagi melihat keistimewaan yang dimiliki OIC.

Seperti yang dinyatakan Menteri Luar Gambia, Dr Momodou Lamin Sedat Jobe: "Anggota OIC mungkin mempunyai tahapnya yang berbeza-beza tetapi kita mempunyai satu kesamaan, iaitu di bawah panji-panji Islam."

(END)